

# Pasaran kerja kini bukan nilai kecemerlangan akademik sahaja

BERITA HARIAN

25/3/2016 p.40

**Kejayaan** akademik tidak mampu jamin peningkatan kerjaya seseorang sekiranya mereka tidak memiliki kemahiran dan kepakaran dalam bidang masing-masing. Mereka akan terus jadi penganggur terhormat sampaikan bila jika tidak mengubah persepsi dan sikap.

Pada 1960-an sehingga 1980-an, kebanyakan mereka yang lulus pengajian daripada Universiti Malaya (UM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Teknologi MARA (UiTM) dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) mudah mendapatkan pekerjaan di sektor awam dan swasta.

Kedua-dua ini berlaku kerana sebahagian rakyat Malaysia yang berkelayakan diterima masuk menurunkan pengajian di peringkat institusi pengajian tinggi (IPT).

Bagaimanapun, keadaan berubah apabila institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) diwujudkan bagi menampung permohonan kemasukan ke IPT awam semakin meningkat setiap tahun.

Mereka yang gagal memasuki universiti diberi peluang belajar di pusat latihan kemahiran awam dan swasta. Pengeluaran graduan semakin ramai setiap tahun menyebabkan berlakunya lambakan siswazah di pasaran pekerjaan.

## Majikan nilai kemahiran

Sehubungan itu, majikan mempunyai banyak pilihan mengambil pekerja tanpa melihat kelulusan akademik semata-mata, sebaliknya boleh menilai dari segi kemahiran dan kepakaran mereka.

Selain kelulusan akademik yang cemerlang, majikan turut melihat kemahiran berkomunikasi dalam bahasa Melayu dan Inggeris, pengendalian komputer, gaya berinteraksi, perwatakan dan personaliti menyakinkan.

Mereka yang hanya mempunyai kelulusan akademik semata-mata kebanyakannya gagal mendapatkan pekerjaan setaraf dengan kelayakan. Oleh itu mereka terpaksa bekerja dalam kategori kerja bertaraf kerani dan penyelia.

Kadangkala pendekatan ini baik

untuk mereka menambah pengalaman dan kemahiran sekali gus mudah mendapatkan jawatan kerja lebih baik di tempat lain.

Sehubungan itu, ibu bapa mesti menyusun strategi pendidikan anak pada peringkat sekolah lagi supaya masa depan mereka terjamin dalam pasaran pekerjaan suatu masa nanti.

Ibu bapa dan guru mesti menggalakkan pelajar mencapai kejayaan pelbagai bidang ketika berada di bangku sekolah terutama akademik, berkomunikasi efektif dalam bahasa Melayu dan Inggeris, bijak berinteraksi dengan rakan, mahir mengendalikan komputer riba dan sentiasa bersikap positif.

Mereka digalakkan memimpin persatuan pada peringkat sekolah agar mereka dilatih bagaimana menguruskan sumber manusia. Kemahiran dan sikap positif yang tersemai ini akan membantu mereka menggapai kecemerlangan dalam kerjaya masing-masing apabila meningkat remaja.

Dunia berkembang tanpa sempadan dengan ledakan teknologi



**Pelajar perlu diberi pendedahan dalam pelbagai bidang, bukan hanya cemerlang akademik.**



Ibu bapa dan guru mesti menggalakkan pelajar mencapai kejayaan pelbagai bidang ketika di sekolah terutama akademik, berinteraksi, mahir mengendalikan komputer serta bersikap positif”

maklumat yang canggih memerlukan golongan remaja menyesuaikan diri dengan persekitarannya.

Mereka tidak boleh lagi bergantung nasib dengan orang lain malah sanggup bersaing di pentas dunia mengatasi cabaran semasa. Ibu bapa mesti sanggup melbur wang bagi memenuhi keperluan pendidikan anak masing-masing.

Mereka tidak lagi boleh bergantung sepenuhnya daripada bantuan kerajaan agar anak terus berjaya.

**Azmi Abdul Malek,**  
Ipoh, Perak